



## PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Permohonan adalah dipelawa daripada **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

Jawatan	: Pegawai Tadbir Gred Setara 41
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran
Bayaran Perkhidmatan	: RM2,550.00
Taraf Jawatan	: Kontrak Untuk Perkhidmatan( <i>Contract For Service</i> )
Tempoh Perkhidmatan	: Satu (1) tahun
Kekosongan	: Tiga (3) jawatan
Tempat Bertugas	: Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Perbendaharaan Malaysia
Bidang Tugas	: Penulisan laporan dan rencana ekonomi serta penyediaan <i>slide</i>

### A. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 1) Graduan tempatan dan luar negara berumur **tidak melebihi 28 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 2) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **dalam mana-mana bidang seperti berikut:**
  - a) Ekonomi;
  - b) Perakaunan dan Kewangan;
  - c) Pentadbiran Perniagaan;
  - d) Ekonometrik;
  - e) Matematik; atau
  - f) Sains Aktuari.

- 3) Memperoleh **sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas** atau yang setaraf dengannya.
- 4) **Cemerlang** dari segi penulisan dan komunikasi **Bahasa Melayu dan Inggeris**.
- 5) **Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan)** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**B. SYARAT TAMBAHAN:**

- 1) Calon-calon dengan kelayakan pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sahaja. Senarai bidang dan pusat pengajian tinggi luar negara/ tempatan yang diiktiraf boleh disemak di portal JPA (<http://pengiktirafan.jpa.gov.my/>);
- 2) Belum berkahwin;
- 3) Berpengetahuan dan mahir dalam penggunaan aplikasi *Microsoft Office*;
- 4) Berupaya bekerja di bawah tekanan waktu dan sentiasa menepati 'deadline' dan sanggup bekerja di luar waktu pejabat termasuk cuti hujung minggu dan cuti umum;
- 5) Berkebolehan tinggi dalam pengurusan, komited dan mampu bekerja dalam kumpulan, fleksibel, proaktif dan berkemampuan bekerjasama dengan semua lapisan anggota dan perhubungan dengan agensi luar; dan
- 6) Mempunyai personaliti yang baik.

**C. CARA MEMOHON:**

- 1) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam Di Bawah Kementerian Kewangan Malaysia** seperti yang dilampirkan pada emel dan Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia.

- 2) Calon-calun yang berkelayakan dipelawa untuk mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:
  - a) *Curriculum-vitae*;
  - b) Satu (1) keping gambar terkini berukuran pasport; dan
  - c) Salinan Ijazah dan dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan.
- 3) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam **sampul surat berukuran 32cm x 22cm.**
- 4) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** :
  - a) Tidak disertakan dokumen yang diperlukan;
  - b) Tidak lengkap atau tidak terang;
  - c) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - d) Tidak menulis nombor kad pengenalan;
  - e) Tidak ditandatangani; dan
  - f) Salinan sijil yang berkaitan tidak disahkan.
- 5) Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

**Setiausaha**

**Bahagian Dasar Saraan Dan Pengurusan**

**Seksyen Pengurusan Sumber Manusia**

**Aras 3, Blok Selatan**

**Presint 2**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**

**62592 W.P. PUTRAJAYA**

**(u.p. : Puan Siti Khatijah binti Hamzah)**

- 6) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 26 JUN 2015 (JUMAAT)**

**D. CATATAN AM:**

- 1) Hanya calon-calon yang berkelayakan dan menepati **syarat lantikan** dipelawa untuk memohon jawatan ini. **Calon-calon yang tidak menepati syarat lantikan AKAN DITOLAK dan TIDAK DIPERTIMBANGKAN.**
- 2) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan di panggil untuk temuduga dan akan **dimaklumkan melalui panggilan telefon atau emel.**
- 3) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas satu (1) bulan dari tarikh iklan ditutup** hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 4) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.